

18 NOV 1999

Kelantan-Calon

KEADILAN BERTANDING LIMA KERUSI DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 18 Nov (Bernama) -- Parti Keadilan Nasional akan meletakkan calon di lima kawasan di Kelantan pada pilihan raya umum ini - tiga kawasan Parlimen dan dua kawasan Dewan Undangan Negeri.

Ketua Keadilan Tumpat, Saupi Daud berkata beliau sendiri akan bertanding di kawasan Parlimen Tanah Merah, Pengerusi Keadilan Negeri Mohamad Mustapha di Peringat (kawasan yang dipegang Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa) dan Bendahari Keadilan Pusat Ramli Ibrahim di Kota Bharu.

Ketika ditemui di sini hari ini, Saupi berkata dua calon Keadilan bagi kawasan Dewan Undangan Negeri ialah Zulkifli Mohamad (Galas) dan Nik Aziz Nik Hassan (Paloh). Kedua-duanya dalam Parlimen Gua Musang.

Saupi adalah bekas calon BN pada pilihan raya umum 1995 yang tewas kepada calon PAS di kawasan negeri Pasir Pekan yang diwakili Ahmad Yakub.

Kesemua calon Keadilan itu bersama dengan calon-calon PAS di Kelantan hari ini menerima surat tauliah masing-masing di kediaman rasmi Menteri Besar di sini.

Kelantan mempunyai 43 kerusi negeri dan 14 kerusi Parlimen.

Sementara itu, senarai calon PAS yang akan bertanding di kesemua baki kawasan negeri dan Parlimen di Kelantan akan diumumkan oleh Mursyidul Am Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat malam esok.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata senarai muktamad calon Barisan Nasional (BN) untuk negeri ini masih belum diketahui.

"Saya telah kemukakan semua nama calon yang dicadangkan oleh Bahagian-bahagian Umno Kelantan kepada Pengerusi BN (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dalam perjumpaan lepas tetapi keputusan muktamad belum diketahui," katanya di sini hari ini.

Menurutnya berdasarkan senarai cadangan itu, kesemua anggota Parlimen termasuk menteri pusat dikekalkan di kawasan masing-masing.

Selain itu beberapa wanita turut dicadangkan sebagai calon BN.

-- BERNAMA

RAR RON